

☒ Sinar Harian
Tarikh: 13/10/2013
Hari: <u>Khamis</u> M/S: <u>6</u>
Ruangan: <u>WOW</u>

011000

WUM/AA8/SH/13.10.2013/P:6(1-3)

Terima dan reda kunci bahagia

Pandangan

Kaunselor

KEBAHAGIAAN bagi pasangan berkahwin tidak semestinya terletak pada tempoh perkenalan yang lama. Ini sebab kebahagiaan yang dibina atas dasar keikhlasan dan keredaan dengan jodoh yang ditetapkan oleh ALLAH SWT sebenarnya menjadi kunci kerukunan rumah tangga.

Dalam konteks cinta kilat iaitu perkenalan singkat dan terus ke jinjang pelamin, perkara ini bukan satu masalah besar kepada pasangan yang baru kenal dalam masa beberapa bulan untuk mencipta bahagia.

Apa yang penting keduanya boleh menerima satu sama lain dan cuba menjadi pasangan terbaik dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Dalam Islam sendiri menggalakkan kita berkahwin awal sekiranya semua ciri calon suami dan isteri menepati apa yang dituntut oleh agama.

Mengikut kajian sekiranya hala tuju perkahwinan itu ada, jangka masa perkenalan tidak penting. Tidak semestinya pasangan yang berkenalan dalam tempoh yang lama boleh kekal kerana ada juga yang bercerai akibat masalah lain sepanjang perkahwinan mereka.

Oleh itu, pasangan yang baru kenal jangan risau untuk membuat keputusan berkahwin awal kerana bahagia boleh dicipta sendiri asalkan ada sikap tolak ansur dan keterbukaan menerima pasangan.

Bagi ibu bapa yang berkemampuan pula boleh membantu anak dalam urusan perkahwinan mereka. Sebagai contoh anak yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) yang berniat untuk mendirikan rumah tangga sewajarnya dibantu.

Sekurang-kurangnya ia boleh membantu anak-anak menjalinkan hubungan yang sah di sisi Islam dan ibu bapa juga tidak risau sepanjang masa.

Sementara itu, dari sudut negatif tempoh perkenalan singkat juga banyak berlaku bagi pasangan yang berumur 30-an yang masih belum menemui pasangan hidup sehingga mengambil tindakan terburu-buru untuk berkahwin.

Tekanan yang diterima itu bukan sahaja menyebabkan keputusan yang dibuat tanpa berfikir panjang tetapi boleh menyebabkan matlamat sebenar perkahwinan tidak ada.

Mereka sekadar memikirkan untuk menukar status kepada anak dara dan lelaki bujang sebagai suami atau isteri bagi mengelakkan tanggapan negatif ahli keluarga dan masyarakat.

Seboleh-bolehnya buat keputusan terbaik sebelum berkahwin kerana apabila sudah berkahwin strategi lebih menghadapi kerenah pasangan menjadi keutamaan. Jika semasa tempoh mengenali pasangan didapati pasangan tidak solat dan mudah panas baran fikir semasak-

masaknya.

Jangan menganggap pasangan boleh berubah sekelip mata apabila sudah berkahwin kerana ia adalah mitos semata-mata. Bukan mudah untuk berubah dalam masa yang singkat kerana sikap itu sudah menjadi tabiatnya semasa bujang.



**PROF MADYA DR NOOR
AZNIZA ISHAK**

Ketua Jabatan Psikologi dan
Kerja Sosial, Pusat Pengajian
Pembangunan Sosial, Kolej
Sastera dan Sains, Universiti
Utara Malaysia (UUM)